

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO  
[ BATU KAWAN ]**

**TARIKH : 15 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [ BATU KAWAN ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah pelan tindakan Kementerian untuk meminda undang-undang sivil dan Syariah untuk meningkatkan umur perkahwinan kepada secara mutlak dan bilakah usaha ini akan dilaksanakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha menaikkan had umur perkahwinan kepada 18 tahun merupakan salah satu strategi tempoh jangka masa panjang (2020-2025) di bawah Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur. Pelan ini akan dilaksanakan secara bersepadu bagi menangani enam (6) punca perkahwinan bawah umur yang mana salah satu punca yang telah dikenal pasti ialah undang-undang longgar yang memperuntukkan permohonan berkahwin di bawah 18 tahun yang memerlukan tindakan penambahbaikan ke atas perundangan, peraturan dan garis panduan berkaitan perkahwinan supaya selari dengan dasar Kerajaan untuk memastikan perkembangan, kebajikan dan kesejahteraan kanak-kanak terjamin.

## SOALAN NO : 39

Antara program yang telah dirancang dalam pelaksanaan Pelan ini adalah mengadakan siri konsultasi penyeragaman umur minimum permohonan perkahwinan kepada 18 tahun dalam Undang-Undang Keluarga Islam, undang-undang adat bagi Orang Asli, serta etnik Sabah dan Sarawak serta mengadakan seminar dan latihan kepada pihak yang berwajib memberikan kebenaran permohonan perkahwinan bawah umur supaya mendapat pendedahan yang sewajarnya mengenai hak kanak-kanak termasuklah mengenai perkahwinan bawah umur.

Program-program ini diterajui oleh pelbagai agensi yang berkaitan iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Majlis Adat Istiadat Sarawak, dan Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah.

Sehingga kini, antara program lain yang telah pun dilaksanakan ialah sesi konsultasi dan dialog bersama Pengarah Jabatan Agama Negeri dan Ketua Hakim Syarie Mahkamah Syariah mengenai isu perkahwinan kanak-kanak yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) pada 19 Januari 2021. Dalam hal ini, sokongan dan komitmen yang berterusan daripada semua pihak amatlah diperlukan bagi menjayakan pelaksanaan program dan tindakan di bawah Pelan ini.

Sekian, terima kasih.